



PERUTUSAN Pengerusi

(MESYUARAT JKTNg Bil. 3/2012 PADA 22 MAC 2012)

1. MAKLUMAN PERTUKARAN KETUA JABATAN

- [a] Pengarah Bahagian Pembangunan Dan Pemantauan Projek Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah Cawangan Negeri Pahang, **Encik Md Zawawi bin Abdullah** menggantikan **Encik Hassan bin Manaf** berkuatkuasa pada 15 Mac 2012; dan
- [b] Timbalan Pegawai Kemajuan Negeri, **Puan Zaeidah binti Mohamed Esa** menggantikan **Encik Md Zawawi bin Abdullah** berkuatkuasa pada 15 Mac 2012.

2. INTIPATI UCAPAN YAB PERDANA MENTERI SEMASA PERHIMPUNAN KHAS BERSAMA PENJAWAT AWAM DI PUSAT KONVENSYEN ANTARABANGSA PUTRAJAYA (PICC) PADA 8 MAC 2012

- [a] Saya ingin memetik ucapan YAB Perdana Menteri semasa Majlis Perhimpunan Khas Bersama Penjawat Awam di PICC pada 8 Mac 2012 yang lalu. YAB Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa Skim Baru Perkhidmatan

Awam (SBPA) dibatalkan dan mengekalkan Sistem Saraan Malaysia (SSM) yang akan ditambahbaik.

- [b] Sehubungan dengan itu, satu Suruhanjaya Khas dianggotai oleh semua pihak yang berkepentingan ditubuhkan untuk mengkaji secara komprehensif dan holistik perkhidmatan awam Malaysia melalui prinsip musyawarah, perundingan dan permuafakatan. Hal ini menunjukkan komitmen Kerajaan dalam meningkatkan struktur Perkhidmatan Awam di negara ini.

- [c] YAB Perdana Menteri mahu penjawat awam memahami cabaran ekonomi global yang dihadapi oleh negara. Usaha perlu digandakan bagi memastikan tahun-tahun mendatang negara bebas daripada belenggu krisis ekonomi global. Justeru, dalam membuat sesuatu keputusan, Kerajaan perlu memikirkan langkah terbaik yang mana pada satu masa perlu mendahulukan kepentingan rakyat tetapi dalam masa yang sama faktor-faktor lain tidak boleh dikesampingkan terutamanya kelestarian ekonomi negara atau dalam erti kata lain, keupayaan kewangan negara. Oleh itu, bagi menjayakan segala perubahan menerusi program-program transformasi kerajaan, peranan yang amat penting terletak di bahu penjawat awam keseluruhannya. Usaha transformasi ini memerlukan penjawat awam yang lebih cekap, responsif dan berani berubah.

[d] Saya berharap, ketua jabatan dapat mewar-warkan kepada semua kakitangan akan amanat YAB Perdana Menteri ini agar hasrat Kerajaan dapat dilaksanakan dengan jayanya.

3. ARAHAN PESURUHJAYA TANAH PERSEKUTUAN BIL. 1/2012

[a] Saya ingin memaklumkan berkenaan Arahan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan Bil. 1/2012 mengenai **Garis Panduan Pengurusan Penyewaan Tanah Persekutuan Oleh Kementerian/ Jabatan Pengguna bagi Ruang Bangunan (Premis Demis).**

[b] Untuk makluman, Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) telah dipertanggungjawab bagi menjalankan kuasa-kuasa memiliki dan melupuskan tanah-tanah kepada dan daripada Kerajaan Persekutuan. Segala harta tanah kepunyaan Kerajaan Persekutuan adalah terletak hak dan didaftarkan hak milik atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Akta Pesuruhjaya Tanah Persekutuan 1957 (Akta 349). Seksyen 223 Kanun Tanah Negara (KTN) 1965 juga memberihak kepada Tuan Tanah untuk menyewakan tanah miliknya untuk tempoh tidak melebihi 3 tahun dan

penyewaan tersebut tidak perlu didaftarkan di dalam hak milik.

- [c] Dimaklumkan juga bahawa, semua permohonan penyewaan bagi ruang bangunan (Premis Demis) adalah diproses oleh Kementerian/ Jabatan Pengguna seperti mana yang telah dipersetujui di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pemantauan Tanah Persekutuan Bil. 2/2011 bertarikh 25 November 2011 yang lalu. Sehubungan itu, Garis Panduan Pengurusan Penyewaan Tanah Persekutuan Oleh Kementerian/ Jabatan Pengguna Bagi Ruang Bangunan (Premis Demis) adalah dirujuk untuk tindakan Y.H Dato'/ Tuan/ Puan.

- [d] Sukacita saya menarik perhatian semua ketua jabatan bahawa garis panduan ini berkuatkuasa **pada 1 Januari 2012** dan kesemua pembayaran **sewa bulanan termasuk deposit hendaklah dibayar atas nama Ketua Setiausaha Kementerian masing-masing dan semua hasil dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Hasil Disatukan** sepertimana yang termaktub di dalam Perkara 97(1) Perlembagaan Persekutuan.

- [e] Sehubungan itu, diharap semua ketua jabatan mengambil perhatian dan tindakan berdasarkan garis panduan ini.

4. MAKLUMAN BERKAITAN PERMOHONAN PENURUNAN KUASA PESURUHJAYA TANAH PERSEKUTUAN

[a] Saya ingin memaklumkan berkaitan permohonan penurunan kuasa Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP). Menurut Seksyen 5(1) Akta 349, segala surat ikatan, dokumen dan surat cara lain yang memerlukan meterai Perbadanan hendaklah dimeterai dengan meterai Perbadanan di hadapan;

- i) Pesuruhjaya Tanah Persekutuan; dan
- ii) mana-mana pegawai yang telah ditetapkan oleh PTP bagi maksud subseksyen ini melalui pemberitahuan dalam warta.

Bagi maksud menandatangani Perjanjian Penyewaan pula, hanya PTP sebagai pemilik berdaftar tanah mempunyai *locus standi* untuk menandatangani Perjanjian Penyewaan tersebut di antara penyewa dan juga PTP.

[b] Sehubungan dengan itu, mana-mana Perjanjian Penyewaan hendaklah ditandatangani oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan sahaja dan permohonan penurunan kuasa PTP oleh Kementerian/ Jabatan Pengguna adalah **tidak dapat dipertimbangkan dan ditolak.**

5. **PEMAKLUMAN MEKANISME BARU PERMOHONAN PENDAFTARAN TERBUKA eKASIH**

Saya ingin memaklumkan bahawa Mesyuarat *Delivery Task Force - Low Income Household (DTF-NKRA-LIH)* Bil. 1/2012 yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri pada 12 Januari 2012 telah **bersetuju supaya pendaftaran terbuka secara atas talian (*online*) bagi permohonan pendaftaran baru eKasih ditamatkan.** Keputusan itu bertujuan untuk memastikan tumpuan dan gerak kerja yang lebih efektif dapat diberikan kepada **kumpulan sasar yang layak untuk mendaftar sahaja.** Ia juga selari dengan pandangan yang diterima daripada sebahagian kerajaan Negeri supaya pendaftaran terbuka atas talian ditamatkan. Sehubungan itu dengan mengambil kira insiden kemiskinan yang relatif dan dinamik, **permohonan pendaftaran baru eKasih dikekalkan namun ia akan dilaksanakan secara manual.** Permohonan pendaftaran eKasih hendaklah diselaraskan di peringkat *Focus Group Daerah* menggunakan borang pendaftaran eKasih yang baru berkuatkuasa pada **5 Mac 2012.** Surat pemakluman dan garis panduan berhubung perkara ini juga telah dipanjangkan kepada semua Pegawai Daerah pada 12 Mac 2012. Justeru itu, saya meminta kepada semua Pengerusi *Focus Group* Daerah agar dapat mematuhi **Garis Panduan Pelaksanaan Mekanisme Baru Permohonan Pendaftaran eKasih** seperti yang telah ditetapkan bagi memastikan

kesinambungan proses pendaftaran eKasih yang lancar dan berkesan di peringkat daerah masing-masing.

6. LAPORAN PEMBAYARAN BIL KERAJAAN NEGERI PAHANG BAGI BULAN FEBRUARI 2012

[a] Saya ingin memaklumkan berkenaan Prestasi Pembayaran Bil Kerajaan Negeri Pahang pada bulan Februari 2012 yang telah dibayar dalam tempoh 14 hari adalah 99.28% manakala 0.72% dibayar melebihi 14 hari.

[b] Jabatan berkenaan di mana bil-bil yang dibayar melebihi tempoh 14 hari ialah;

i)	Jabatan Perhutanan Negeri Pahang	- 38 bil
ii)	Jabatan Kerja Raya Negeri Pahang	- 2 bil
iii)	Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan	- 2 bil
iv)	Jabatan Agama Islam Pahang	- 2 bil
v)	Pejabat KDYMM Sultan	-2 bil